

MAHATHIR-MT

1982

KUALA LUMPUR, 20 JUN (BERNAMA) -- CUMA ANGGOTA-ANGGOTA UMNO YANG TELAH MENYERTAI PARTI LEBIH DARIPADA LIMA TAHUN DIBENARKAN MENJADI AHLI MAJLIS TERTINGGI UMNO DI MASA DEPAN, KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

PERDANA MENTERI BERKATA CADANGAN ITU MERUPAKAN DI ANTARA BEBERAPA PINDAAN KEPADA PERLEMBAGAAN UMNO YANG DILULUSKAN OLEH MAJLIS TERTINGGI DALAM SIDANG BULANANNYA DI IBU PEJABAT UMNO DI SINI HARI INI.

BELIAU MEMBERITAHU PARA PEMBERITA SELEPAS MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT ITU BAHAWA CADANGAN TERSEBUT AKAN DIBENTANGKAN PADA HARI TERAKHIR PERHIMPUNAN AGUNG UMNO YANG AKAN BERMULA PADA 10 SEPTEMBER INI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA LAIN-LAIN PINDAAN KEPADA PERLEMBAGAAN PARTI ADALAH +PERUBAHAN BIASA+ UNTUK MENYESUAIKAN DENGAN KEADAAN SEMASA DAN JUGA SUPAYA SELARAS DENGAN AKTA PERTUBUHAN YANG BERKUATKUASA BARU-BARU INI. -- BERSAMBUNG 1450/SZ

MAHATHIR-MT 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA PRESIDEN UMNO BERKATA MESYUARAT HARI INI JUGA MEMBINCANGKAN PERSIARAN AWAL MENGADAKAN PERHIMPUNAN AGUNG UMNO SEPTEMBER INI.

MAJLIS TERTINGGI TELAH MELANTIK JAWATANKUASA PENAPIS USUL PERHIMPUNAN AGUNG ITU DAN JUGA PERHIMPUNAN-PERHIMPUNAN AGUNG PERGERAKAN PEMUDA DAN WANITA UMNO.

SIDANG HARI INI JUGA TELAH MELULUSKAN KEPUTUSAN JAWATANKUASA DISIPLIN MEMUTUSKAN TINDAKAN YANG TELAH DIAMBIL TERHADAP ANGGOTA-ANGGOTA UMNO YANG TERLIBAT DENGAN BERBAGAI PENYELEWENGAN DALAM PILIHANRAYA YANG BARU LEPAS.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MEMBERITAHU ANGGOTA-ANGGOTA MT JUGA MENDENGAR PENERANGAN DARI MENTERI LUAR TAN SRI GHAZALI SHAFIE MENGENAI PERKEMBANGAN TERBARU DALAM PEMBENTUKAN KEBAJAAN CAMPURAN DI KAMPUCHEA DAN JUGA MASALAH DI ASIA BARAT.

PERDANA MENTERI PULA MEMBERI TAKLIMAT MENGENAI LAWATANNYA KE PASIFIK SELATAN DAN JUGA MASALAH PERJANJIAN KEENAM MAJLIS TIMAH ANTARABANGSA.

MENGENAI KEMPEN BERJIMAT CERMAT YANG DIJALANKAN OLEH KERAJAAN BERIKUTAN KEMELESETAN EKONOMI DUNIA, BELIAU BERKATA IA TIDAK DIBINCANGKAN KERANA SEMUA AHLI ANGGOTA TERTINGGI MEMAHAMI MASALAH ITU. -- BERNAMA 1458/SZ